

Revolusi Penggunaan Kain Perca Pada Tenunan Kreatif

Yusof Daud@Ismail

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
yusofdaudismail@yahoo.com

Aneeza Mohd Adnan

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
Aneez843@kelantan.uitm.edu.my

Mohd Bakeri Ab.Rahman

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
bakrahman@yahoo.com

Nani Hartina Ahmad

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
nanihartina@kelantan.uitm.edu.my

Mohd Faizul Noorizan

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
zackrydaniel@rocketmail.com

Rohaizan Mohd Nasir

Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan,
Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan
rohaizan@kelantan.uitm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini melibatkan penggunaan bahan terbuang iaitu perca kain dari pengusaha tekstil sebagai serat alternatif dalam menghasilkan tenunan kreatif. Kuala Terengganu menjadi lokasi kajian kerana memandangkan daerah ini merupakan ibu negeri serta dikenali di negeri Terengganu sebagai daerah yang mengeluarkan produk batik dan songket terbesar di Malaysia, selain dari industri jahitan yang kian berkembang menjadi pemangkin kepada kerancakan pertumbuhan industri tekstil yang sedia ada. Tiga kilang atau perusahaan tekstil yang terpilih bagi memperolehi perca kain untuk kajian ini adalah pengusaha dari kilang batik, pengusaha songket serta pengusaha jahitan pakaian. Perca kain yang diperolehi akan di fokuskan kepada tiga proses utama iaitu proses pengasingan fabrik, proses tenunan serta proses kemas akhir. Proses pertama iaitu proses pengasingan melibatkan kaedah pengasingan dari segi warna fabrik, serta pengasingan dari segi material, selain itu setiap helai perca direkodkan dari segi ukuran dan berat, bertujuan memudahkan proses menenun. Proses kedua iaitu proses menenun digunakan dalam kajian ini, antara kaedah tenunan

yang digunakan adalah tenunan menggunakan akik, tenunan tanpa akik, *macramé* serta teknik anyaman. Hasil tenunan perca kain ini pula akan melalui proses terakhir iaitu proses kemasan akhir, antara proses-proses yang terlibat adalah proses membatik, proses mewarna serta embroidery, bertujuan untuk memberi kelainan serta menguji kefleksibelan hasil tenunan yang diperolehi. Dalam kajian ini, pengkaji mengunapakai teori pembangunan mampan (*sustainable development*) yang mengimbangi pembangunan ekonomi dengan keperluan-keperluan sosial dan alam sekitar. Keputusan kajian terhadap percs kain ini menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan memberi keputusan yang positif dalam menyelesaikan masalah pembaziran, pencemaran serta dalam masa yang sama jika ia diaplikasikan sedikit sebanyak dapat memberi faedah dalam mempertingkatkan pendapatan sampingan. Hasil tenunan yang diperolehi dari kajian yang dilakukan terhadap perca kain ini dapat mempelbagaikan lagi hasil produk tekstil sedia ada untuk di pasaran ke pasaran komersial, dan dengan ini, sudah tentulah ianya dapat memberikan manfaat kepada industri tenunan desa (*cottage weaving industry*) di negeri Terengganu serta di negara kita amnya.

Kata Kunci: Kain perca, tenunan, kreatif

PENGENALAN

Industri seni tekstil boleh di anggap sebagai industri tradisional, ini adalah kerana industri ini telah bertapak di Negara ini sejak berabad-abad yang lalu. Namun begitu industri warisan ini tidak di pinggirkan. Industri tekstil di Negara ini turut mengalami perkembangan semasa. Kajian dan penyelidikan (R&D) ke atas produk hasil tekstil ini sentiasa di jalankan.

Menurut Menteri penerangan Komunikasi dan kebudayaan Malaysia Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, dalam buku Koleksi Busana Anggun keluar Kraftangan Malaysia menyifatkan bahawa kraf tekstil negara membangun selari dengan mengikut peredaran masa serta ketamadunan manusia yang mana ianya melambangkan keunikan budaya, adat resam dalam masyarakat. Mengambil contoh pakaian sebagai salah satu perantaraan cerminan kebudayaan serta ketamadunan yang sentiasa berubah, dapat dilihat dari era prasejarah hingga era globalisasi, perubahan pelbagai gaya pakaian di tampilkan menggunakan pelbagai fabrik dan hiasan.

Beliau juga menyifatkan batik, songket dan tenunan yang dulunya di usahakan secara kecil-kecilan kini berubah wajah kepada industry bersifat komersial, menawarkan kepelbagaian jenis tekstil sesuai dengan citarasa bukan sahaja masyarakat tempatan malah turut menarik minat pengguna antarabangsa. Ini jelas menunjukkan meningkatnya pengeluaran dari industri tekstil berdasarkan penerimaan positif pengguna batik, songket dan tenunan dalam rekaan fesyen semasa.

Industri tekstil terus membangun atas sokongan dari pelbagai pihak. Hasil sentuhan kreativiti pengiat industri ini, kini penggunaan tekstil telah meluas dan di pelbagaikan. Penggunaan tekstil tradisi ini tidak lagi terhad kepada pembuatan pakaian sahaja malah pelbagai produk baru berasaskan tekstil ini di perkenal dan dihasilkan. Antaranya aksesori lain seperti kasut, beg tangan dan sebagainya malah turut diperkenalkan dalam bentuk lain iaitu seperti barangan atau produk hiasan dalaman.

PERKEMBANGAN INDUSTRI TEKSTIL DI MALAYSIA

Di Malaysia terdapat banyak industri tekstil yang di jalankan, ianya terdiri daripada secara tradisi serta juga secara moden. Industri tekstil di jalankan di seluruh bahagian di Malaysia, antaranya ialah industri Batik yang mana ianya di jalankan di kebanyakan daerah di negeri Kelantan dan Terengganu, industri Songket juga di jalankan di Negeri Kelantan dan Terengganu, Manakala Tenunan Tradisi giat dilakukan

di beberapa daerah di Pahang dan juga Terengganu, serta industri tenunan Pua terbesar di dihasilkan di beberapa daerah di Sarawak.

Songket Malaysia boleh di anggap sebagai salah satu hasil tenunan tradisi melayu yang paling popular di negara kita. Songket ini kebanyakan di dihasilkan di negeri Terengganu iaitu negeri yang mana cukup terkenal dengan penghasilan songket secara tradisional. Songket juga merupakan fabrik melayu yang sangat halus pembuatannya serta paling cantik sehinggakan di gelar sebagai ratu kepada semua kain tenun (queen of fabrics) oleh sesetengah pengemarnya, ini adalah kerana keindahan dan kecantikan hasil tenunan benang sutera atau kapas yang di sulam serta di tenun bersama benang emas atau perak berkilat melalui proses menyungkit untuk membentuk motif songket tersebut. Industri songket mempunyai potensi untuk menjadi lebih kompetitif apabila ianya di bangunkan bersama-sama industri fesyen dunia, dan kerajaan Malaysia sendiri akan cuba mempromosikan songket ini kepada pasaran global bagi tujuan berkenaan.

Dalam industri batik di Malaysia batik di komersialkan dari seawal tahun 1914 yang mana Kota Bharu Kelantan menjadi tempat ianya di komersialkan, menggunakan blok kayu dan kini diganti dengan blok logam. Inaya menjadi salah satu usaha yang menyumbang kepada perkembangan batik di Negara ini. Kelantan dan Terengganu menjadi pusat batik terawal. Pengusaha di sini menjadikan batik salah satu komoditi yang di perdagangkan dalam pasaran tempatan.

Perkembangan perusahaan membuat batik canting telah mengubah cara pemakaian batik. Keghairahan pereka fesyen yang sentiasa mencari kelainan dalam rekaan mereka turut memberikan impak kepada perkembangan industri batik di Negara ini. Kelainan yang di tonjolkan pereka fesyen tempatan turut dilihat menyumbang kearah meningkatkan lagi permintaan batik Negara, ini adalah kerana kegunaan batik tidak hanya di lihat sebagai pakaian rasmi atau formal malah gaya rekaan batik kontemporari atau bersifat santai juga menjadi pilihan golongan muda pada ketika ini.

ISTILAH KAIN PERCA

Jika di lihat dalam istilah kain dan fabrik, membawa pengertian yang sama, menurut Kamus Dewan edisi keempat, menyatakan bahawa kain atau fabrik merupakan bahan yang di tenun daripada gentian halus atau serat dari kapas, bulu kambing, linen sutera dan lain-lain. Sesetengah serat tertentu seperti kapas dan linen di perolehi daripada tumbuh-tumbuhan manakala serat lain seperti sayat atau sutera pula di perolehi daripada haiwan, namun serat dari ulat sutera merupakan serat paling halus dan lembut dapat di dihasilkan.

Bagi pengertian perca kain pula, menurut Kamus Dewan edisi keempat, menyatakan perca merupakan kepingan-kepingan kecil kain sisa daripada jahitan dan lain-lain, seperti reja carik kain. Manakala Reja kain pula menurut Kamus Dewan dan Kamus Pelajar, membawa maksud sisa lebih sesuatu kain yang dipotong-potong dalam proses penghasilan pakaian dan ianya tidak digunakan.

Perca dalam industri pakaian merupakan hasil buangan atau limbah atau reja-reja yang terhasil daripada proses pemotongan atau pembentukan yang dilakukan dalam mendapatkan bentuk pola pakaian yang di kehendaki. Dalam industri batik dan songket, kain perca merupakan lebih kecil kain yang di buang dalam proses kemas akhir atau *finishing* batik dan songket sebelum ianya di pasaran. Manakala menurut pengkaji dari Universitas Negeri Yogyakarta, dalam Artikel Kegiatan PPM Program Prioritas Fakultas mereka, menyatakan bahawa perca merupakan sisa kain yang sudah tidak berfungsi atau bermanfaat dan di buang. Dalam hal ini pengkaji dapat menyimpulkan bahawa maksud Kain Perca merupakan cebisan kecil kain terpakai yang tersisa atau di buang dan kebiasaannya ianya dalam bentuk helaian yang kecil serta tidak memiliki ketahanan dan mudah koyak.

Gambar 1: Hasil Perca Dari Kilang Batik




Gambar 2: Hasil Buangan Dari Kilang Jahit



EKSPERIMENTASI TERHADAP KAJIAN


Proses Eksperimentasi Terhadap Kain Perca

KAIN PERCA



- Pengumpulan kain perca dari kilang terpilih

- Permin Suterasemai Sdn. Bhd
- Wan Manang Songket Sdb. Bhd
- Al-Rijjal Mens Collection Sdn. Bhd.
- Izz De'Rias Collection.



HASIL TENUNAN KREATIF

Dalam mendapatkan hasil kajian yang baik, pengkaji mendapatkan bahan utama kajian, iaitu kain perca dari pengusaha serta kilang-kilang yang terpilih. Pengusaha serta kilang yang adalah kebanyakannya adalah terdapat di sekitar Kuala Terengganu. Bagi pengusaha batik, tempat kajian yang terpilih adalah di Permint Suterasemai SDN. BHD yang di usahakan di kawasan perindustrian Chendering, bagi pengusaha songket pula, pengusaha yang terpilih adalah Wan Manang Songket Sdn. Bhd, yang di usahakan di kampung Durian Burung. Bagi pengusaha pakaian pula terdapat dua tempat yang di pilih iaitu Izz De'Rias Collection di Bukit Besar, Pasir Panjang serta Al-Rijjal Mens Collection di kampung Lososng Kuala

Terengganu. Manakala bagi proses kajian terhadap kain perca pula, segala proses teknikal di buat di studio tekstil, Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Kuala Terengganu.

Proses yang terlibat dalam kajian ini ialah proses pengumpulan serat, proses pengasingan serat, proses menenun menggunakan akik, proses menenun tanpa akik (*off loom*), proses pewarnaan, dan juga proses dekorasi kemasan akhir (*finishing*). Semua proses yang dilakukan ini menepati objektif kajian yang di lakukan pengkaji. Banyak kebaikan serta manfaat yang dapat di perolehi sekiranya orang ramai mula menyedari potensi kain perca dalam menghasilkan tenunan kreatif yang mana ianya dapat menjana pendapatan sampingan mereka. Selepas ini pengkaji dapat merasakan apabila mereka memotong kain batik, songket atau kain komersial untuk di jadikan pakaian, mereka akan mula mengumpul kain perca untuk di jadikan tenunan kreatif dan dalam masa yang sama mereka akan mula berfikir berimajinasi bagaimana untuk mencari idea baru dalam penggunaan kain perca ini.

Dalam penghasilan tenunan kreatif ini, tiada proses kajian secara saintifik dijalankan, semua kajian dijalankan secara manual dan pendekatan secara teknikal sahaja, ini adalah bertujuan memudahkan kajian ini di implementasikan oleh pengusaha tekstil tanpa melibatkan penggunaan makmal bagi tujuan kajian. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji lebih kepada kaedah atau cara untuk memanipulasi semula kain perca agar ianya tidak di lihat sebagai sampah yang tidak bernilai.

Gambar 3: Contoh Tenunan Dari Kain Perca



Gambar 4: Contoh Pakaian Yang Dihasilkan Dari Kain Perca



KESIMPULAN

Industri tekstil dan pakaian di Malaysia kini mengalami perkembangan yang amat memberangsangkan, seperti yang di sifatkan oleh Menteri Penerangan Malaysia Dato Seri Utama Rais Yatim, beliau mengatakan bahawa industri ini yang dulunya di usahakan secara kecil-kecilan bertukar menjadi industri komersial yang membanggakan, ini jelas menunjukkan bahawa industri tekstil kini merupakan salah satu industri yang penting di negara kita begitu juga di negeri Terengganu.

Berkembangnya industri tekstil di negeri Terengganu ini juga turut akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan seterusnya turut memberi peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar kerana hasil gaji lumayan yang di tawarkan. Walaupun ramai orang terlibat dalam industri tekstil ini yang mana industri yang terlibat adalah industri penghasilan pakaian, batik dan songket, namun tidak semua dari kalangan mereka menyedari bahawa hasil buangan kilang berkenaan iaitu kain perca boleh memberi manfaat kebaikan kepada mereka. Mereka sepatutnya sedar bahawa kain perca ini amat bernilai serta ianya boleh digunakan sebagai bahan yang boleh digunakan dalam industri kraf bagi menghasilkan tenunan kreatif, sepertimana contoh yang dilakukan oleh pengkaji.

Dengan peningkatan permintaan terhadap tekstil dan perkembangan industri ini juga, sudah tentulah akan meningkatkan hasil buangan kilang-kilang terlibat. Dengan

ini juga hasil buangan kain perca akan meningkat dan ini sudah tentulah dapat memberi manfaat kepada mereka yang terlibat secara sampingan dalam menghasilkan tenunan kreatif hasil dari kain perca.

Memandangkan nilai pasaran kain mentah serta bahan-bahan mentah untuk menghasilkan batik semakin meningkat ini jelas menunjukkan bahawa nilai kain perca secara tidak langsung juga meningkat sebenarnya. Sekiranya kain perca ini tidak di manipulasi kepada sesuatu yang memberi manfaat sudah tentulah ianya bukan sahaja dilihat sebagai penyumbang kepada pencemaran alam sekitar, berdasarkan amalan pembakaran yang di amalkan kebanyakan pengusaha batik, songket dan pakaian malah ianya juga merupa satu pembaziran.

Berdasarkan kepada keputusan hasil kajian dilakukan menunjukkan bahawa harapan dan objektif dalam kajian ini mencapai keputusan yang positif. Kain perca dilihat berupaya untuk di implementasikan sebagai serat baru, tenunan kreatif ini jika diusahakan secara berterusan akan dapat meningkatkan serta mempelbagaikan produk bagi industri kraf tekstil negara.

Dalam masa yang sama, kajian ini juga membantu dalam usaha perkembangan R&D (*Research and Development*) serta juga membantu dalam usaha perkembangan produk baru yang mana ianya turut memperkenalkan idea yang inovatif bagi menghasilkan produk tenun. Penghasilan produk tenunan kreatif ini sudah tentulah akan memberi sesuatu yang baru kepada industri fesyen, industri hiasan dalaman dan sebagainya berdasarkan keunikan hasil tenunan ini.

Kajian ini juga memberi dorongan kepada pembaca untuk menggunakan serta memanfaatkan sumber industri tekstil bagi menghasilkan produk yang bernilai dari kain perca serta mengelakkan pembaziran. Kajian ini juga secara tidak langsung dapat memberi gambaran secara tidak langsung bagaimana barangan kraf di hasilkan hari ini.

RUJUKAN

Biranul Anas, (2006). Ikatan Silang Budaya: Seni Serat. Art Fabrics.

Kamus Dewan Edisi Ketiga. (1998). Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. (2009). Koleksi Busana Anggun, Kuala Lumpur: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Panel Penulis Pct, (2007) Seni Tenunan Tekstil, Perpustakaan Negara Malaysia, Penerbitan Pct Sdn. Bhd.

Pembangunan Mampan, [Http:// Wwww.Jpdjohor.Gov.My/Pautan..Pbgn Mampan](http://www.jpjohor.gov.my/Pautan..PbgnMampan)

Robbie Fanning. (1996).The Art Of Manipulating Fabric,

Sara J. Kadolph. (2007).Textiles Tenth Editon, New Jersey.

Sri Widarwati. (2010). Artikel Kegiatan Ppm Program Prioritas Fakultas, Universitas Negeri Yogyakarta.

Susie O'reilly. (1993). Tenunan, Dari Fajar Bakti Sdn. Bhd. Copyright 1993 Wayland Ltd.